

Soalan Lazim Bahasa Melayu (BM)

No.	Soalan	Jawapan
1	Apakah Simulator Faraid360 CIMB dan bagaimana ia berfungsi?	Simulator Faraid360 CIMB adalah alat digital interaktif yang membantu anda mensimulasikan bagaimana harta anda akan diagihkan mengikut prinsip Faraid dalam kalangan waris keluarga, serta langkah seterusnya sekiranya anda ingin merancang pengagihan harta dengan lebih lanjut. Anda akan bermula dengan memasukkan maklumat seperti: • Struktur dan ahli keluarga (contoh: pasangan, anak-anak, ibu bapa, dll.) • Pegangan aset (contoh: wang tunai, hartanah, pelaburan, dll.) Simulator ini kemudiannya akan mengira dan mensimulasikan pengagihan Faraid secara automatik kepada waris yang layak. Anda juga boleh meneroka bagaimana produk Pengagihan Harta seperti Wasiat, Hibah atau Harta Sepencarian boleh memberi kesan kepada pengagihan Faraid dengan melaraskan peratusan melalui fungsi “toggle” yang mudah digunakan dalam simulator.
2	Adakah pengiraan Faraid ini tepat?	• Simulator Faraid360 CIMB dibangunkan selaras dengan prinsip Faraid dan telah disemak serta disokong oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). • Simulator ini adalah untuk rujukan dan tujuan pendidikan sahaja. Keputusan pengiraan Faraid tidak sah untuk tuntutan harta pusaka atau prosiding mahkamah. Maklumat perlu disemak dan disahkan dengan pihak berkuasa berkaitan. CIMB Islamic tidak bertanggungjawab terhadap sebarang isu yang timbul daripada penggunaan simulator ini. • Untuk kes yang kompleks atau pengesahan undang-undang, kami mengesyorkan anda mendapatkan nasihat daripada pihak berkuasa agama negeri, penasihat Syariah bertauliah atau profesional perancangan harta.
3	Bagaimana jika saya memerlukan penjelasan lanjut mengenai keputusan saya?	Jika terdapat perkara yang kurang jelas, anda boleh menghantar maklumat perhubungan anda melalui platform tersebut, dan rakan kongsi kami serta pakar Pengagihan Harta akan menghubungi anda untuk langkah seterusnya.
4	Bagaimana fungsi “toggle” dalam Simulator Faraid360 CIMB berfungsi?	Selepas pengagihan Faraid dikira, anda boleh memilih produk Pengagihan Harta yang diinginkan dan menukar (toggle) pelbagai penyelesaian untuk melihat kesannya terhadap pengagihan akhir. Ini membolehkan anda:

No.	Soalan	Jawapan
		• Membandingkan senario dengan serta-merta • Memahami bagaimana instrumen tertentu (contoh: Hibah, Harta Sepencarian) memberi manfaat kepada benefisiari • Membuat keputusan yang lebih tepat sebelum bertindak
5	Bagaimana jika terdapat ralat dalam keputusan "toggle"?	Walaupun kami berusaha memastikan ketepatan, mungkin terdapat situasi unik yang tidak diliputi. Jika anda mendapati keputusan yang luar biasa atau tidak konsisten, sila e-mel kepada gis.consumerpw@cimb.com dan pasukan kami akan menyemak serta memberi maklum balas dan nasihat.
6	Siapa yang mempunyai akses kepada data saya? Adakah ia selamat?	Privasi anda adalah penting. Maklumat yang anda berikan adalah selaras dengan Polisi Privasi CIMB, di mana data anda hanya akan: • Digunakan untuk tujuan simulasi dan susulan • Diakses oleh kakitangan yang diberi kuasa sahaja • Dilindungi dengan langkah keselamatan yang sesuai Sejajar dengan itu, data peribadi anda tidak akan dikongsi dengan pihak ketiga tanpa persetujuan anda.
7	Adakah saya perlu membeli produk untuk menggunakan simulator ini? Adakah terdapat sebarang caj?	Tidak. Faraid360 Simulator terbuka kepada orang awam dan percuma untuk digunakan. Anda boleh meneroka pengagihan Faraid dan pilihan produk Pengagihan Harta tanpa membuat sebarang komitmen. Jika anda berminat untuk melanggan produk, anda boleh menghantar maklumat perhubungan anda di akhir simulator untuk mendapatkan bantuan lanjut.
8	Apa yang berlaku selepas saya menghantar maklumat perhubungan?	Kami akan menghubungi anda untuk: • Menyemak keputusan simulasi anda • Membimbing anda ke langkah seterusnya jika anda ingin meneruskan perancangan Ambil langkah pertama ke arah kejelasan dan kawalan dalam perancangan harta anda. Dengan Simulator Faraid360 CIMB, anda bukan sekadar membuat pengiraan – anda merancang dengan tujuan dan memelihara harta Islam anda dengan yakin.
9	Bagaimana jika saya memasukkan maklumat yang salah?	Anda boleh mengedit atau memulakan semula pengiraan dengan mudah untuk memastikan keputusan yang tepat.

No.	Soalan	Jawapan
10	Bolehkah saya menggunakannya semasa masih hidup?	Ya. Ia membantu anda memahami bagaimana harta akan diagihkan dan merancang lebih awal.
11	Adakah alat ini mengikat dari segi undang-undang?	Tidak. Simulator ini hanya memberikan panduan dan anggaran. Pengagihan rasmi mungkin memerlukan dokumentasi undang-undang atau proses mahkamah.
12	Bolehkah saya menyimpan atau memuat turun keputusan saya?	Tidak. Keputusan tidak disimpan atau boleh dimuat turun. Namun, anda boleh mencetaknya secara manual menggunakan fungsi cetak (Ctrl+P).
13	Adakah simulator ini boleh digunakan di semua negara?	Simulator ini berpandukan prinsip faraid Islam, tetapi pelaksanaannya boleh berbeza di setiap negara. Sila rujuk undang-undang tempatan.
14	Mengapa perlu menggunakan simulator ini berbanding pengiraan manual?	Pengiraan Faraid adalah kompleks. Simulator ini menjimatkan masa, mengurangkan ralat dan memberikan keputusan yang segera serta tersusun.
15	Bagaimana untuk mendapatkan maklumat lanjut atau membuat aduan?	Untuk sebarang pertanyaan berkaitan: a) Simulator Faraid360 CIMB, hubungi contactus@cimb.com; atau b) Pengiraan atau undang-undang Faraid, anda boleh menghubungi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui pihak bank dengan menghantar e-mel ke contactus@cimb.com. Pihak bank akan berhubung dengan MAIS untuk maklum balas lanjut dalam tempoh 1 hingga 3 hari bekerja, dan seterusnya memaklumkan kepada pelanggan melalui e-mel.